

**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN
LEMBAGA PENGURUSAN MPC (BOM)**

TAJUK Keterangan: Tajuk Projek/ Cadangan	Pembangunan GRP Tools: Garis Panduan RIA Bagi semakan dan pengenaan caj Perkhidmatan yang dikawal selia Pihak Berkuasa Pelabuhan
TARIKH/ GARIS MASA Keterangan: Jadual mula dan akhir pelaksanaan projek/ cadangan	Jun – November 2025 (LAMPIRAN 1)
TUJUAN & LATAR BELAKANG Keterangan: Tujuan dan penerangan ringkas mengenai projek	Pembangunan alat GRP (Good Regulatory Practice) seperti Garis Panduan RIA bagi semakan dan pengenaan caj perkhidmatan oleh Pihak Berkuasa Pelabuhan adalah sebahagian daripada inisiatif nasional di bawah projek bertajuk “Membentuk Ekosistem Peraturan Perniagaan yang Teguh”. Pihak Berkuasa Pelabuhan sebagai entiti pengawalselia mempunyai peranan penting dalam menentukan struktur caj perkhidmatan pelabuhan yang memberi kesan langsung kepada kos perdagangan dan pergerakan logistik. Oleh itu, sebarang pengenaan atau semakan caj perlu dibuat secara berasaskan bukti dan penilaian impak peraturan (Regulatory Impact Analysis, RIA), bagi memastikan tiada beban tidak wajar dikenakan ke atas pengguna dan industri. Seiring dengan sasaran NPGRP untuk mengurangkan beban peraturan tidak wajar, pembangunan GRP Tools termasuk Garis Panduan RIA ini menyokong keperluan penyemakan berkala terhadap caj-caj yang dikenakan serta memberi justifikasi yang kukuh kepada semua pihak berkepentingan.
JUSTIFIKASI Keterangan: Penjelasan yang menyokong kepada pelaksanaan projek/ cadangan	Pada masa ini, struktur fi dan caj pelabuhan berbeza antara pelabuhan dan tidak semua menggunakan pendekatan penilaian impak yang konsisten. Ketiadaan piawaian ini menyukarkan pengguna, pelabur, dan pihak industri meramalkan kos operasi logistik. Justeru, garis panduan ini bertujuan mewujudkan rangka kerja

	semakan yang seragam dan berasaskan bukti, bagi mengelakkan ketidakkonsistenan dan amalan penetapan caj yang tidak telus. Dengan adanya <i>template</i> dan <i>checklist RIA</i> yang disediakan melalui GRP Tools, proses penyediaan dokumentasi semakan caj dapat dilakukan dengan lebih cekap, sistematik dan menjimatkan masa. Ini penting terutamanya bagi agensi pelabuhan yang mempunyai kapasiti teknikal yang terhad atau tiada pengalaman dalam pelaksanaan RIA secara menyeluruh. Tidak semua cadangan perubahan caj perlu menjalani penilaian impak secara penuh. Melalui panduan ini, akan turut diperkenalkan prinsip <i>carve-out RIA</i> — di mana caj yang tidak signifikan atau bersifat teknikal (misalnya, penyesuaian inflasi tahunan atau fi pentadbiran kecil) boleh dikecualikan daripada analisis impak penuh. Ini akan meningkatkan kecekapan pelaksanaan tanpa mengorbankan ketelusan atau akauntabiliti.
KAEDAH PELAKSANAAN Keterangan: Kaedah yang perlu dilakukan bagi melaksanakan projek	Kaedah pelaksanaan pembangunan GRP Tools: Garis Panduan RIA bagi semakan dan pengenaan caj perkhidmatan yang dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Pelabuhan dilaksanakan melalui libat urus pihak berkepentingan, kajian semula amalan sedia ada, mereka bentuk garis panduan yang merangkumi elemen <i>carve-out RIA</i>, pelaksanaan ujian lapangan, penambahbaikan berasaskan maklum balas, pengesahan melalui sesi validasi, penyediaan dokumen akhir serta latihan penggunaan, diikuti pemantauan dan kajian pasca-pelaksanaan bagi memastikan keberkesanan dan keselarasan pelaksanaan di seluruh pelabuhan.
STAKEHOLDERS / PIHAK BERKEPENTINGAN Keterangan: Pihak atau kumpulan yang menerima kesan positif mahupun negatif daripada projek yang dijalankan	(i). Kementerian Pengangkutan Malaysia. (ii). Pihak Berkuasa Pelabuhan (iii). Operator Pelabuhan (iv). Pemain Industri, Pengguna Pelabuhan.
JANGKAAN HASIL/ OUTCOME Keterangan: Apa yang MPC perlu capai/ faedah-faedah jangka pendek dan jangka	1. Garis panduan RIA yang lengkap, praktikal dan seragam untuk digunapakai oleh semua Pihak Berkuasa Pelabuhan.

panjang hasil dari intervensi projek/ cadangan	2. Peningkatan keupayaan dan kompetensi agensi pelabuhan dalam melaksanakan semakan caj secara sistematik dan berasaskan bukti. 3. Proses pengenaan dan semakan fi pelabuhan menjadi lebih telus dan berasaskan justifikasi yang jelas melalui penggunaan pendekatan RIA yang sistematik. 4. Pelabuhan di seluruh negara dapat menyelaraskan pendekatan dalam pengenaan caj agar lebih adil dan setara, mengurangkan perbezaan yang tidak berasas.								
JANGKAAN OUTPUT Keterangan: Output ketara dan tidak ketara yang dihasilkan daripada aktiviti projek/ cadangan.	Garis Panduan RIA untuk semakan dan pengenaan caj perkhidmatan yang dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Pelabuhan								
KUMPULAN SASAR Keterangan: Individu/ kumpulan yang menerima faedah daripada projek/ cadangan	(i). Kementerian Pengangkutan Malaysia. (ii). Pihak Berkuasa Pelabuhan (iii). Operator Pelabuhan (iv). Pemain Industri, Pengguna Pelabuhan.								
SUMBER BAJET/ KOS Keterangan: Sumber bajet / jumlah kos yang terlibat.	<table border="1"> <thead> <tr> <th>PERUNTUKAN BAJET (PB)</th><th>RM</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pembangunan (DE)</td><td>339,700.00</td></tr> <tr> <td>Operasi (OE)</td><td>9,500.00</td></tr> <tr> <td>JUMLAH KESELURUHAN</td><td>349,200.00</td></tr> </tbody> </table> Perincian anggaran kos perbelanjaan seperti di LAMPIRAN 2.	PERUNTUKAN BAJET (PB)	RM	Pembangunan (DE)	339,700.00	Operasi (OE)	9,500.00	JUMLAH KESELURUHAN	349,200.00
PERUNTUKAN BAJET (PB)	RM								
Pembangunan (DE)	339,700.00								
Operasi (OE)	9,500.00								
JUMLAH KESELURUHAN	349,200.00								
HASIL (RM) - SEKIRANYA ADA Keterangan: Pendapatan yang diterima daripada projek	Tidak berkaitan								
SYOR Keterangan: Keputusan yang diperlukan daripada Lembaga Pengurusan MPC	Ahli Lembaga Pengurusan dipohon untuk mempertimbangkan cadangan dan meluluskan peruntukan sejumlah RM349,200.00 bagi pelaksanaan projek strategik ini yang berimpak tinggi kepada tatakelola dan kecekapan kewangan kerajaan.								

LAMPIRAN 1 – Jadual Perancangan (2025)

Fasa	Tempoh Pelaksanaan	Aktiviti Utama
Fasa 1: Libat Urus Awal dan Pemetaan Pihak Berkepentingan	Jun 2025	Kenal pasti pihak berkepentingan; jalankan libat urus awal.
Fasa 2: Kajian Semula Amalan Sedia Ada dan Jurang Pelaksanaan RIA	Jun - Julai 2025	Analisis amalan semasa; kenal pasti jurang dan keperluan <i>carve-out</i> RIA.
Fasa 3: Rekabentuk Garis Panduan dan Penyediaan Draf Awal	Julai - Ogos 2025	Rangka kandungan garis panduan; sediakan draf awal.
Fasa 4: Ujian Lapangan (Pilot Test) dan Penambahbaikan	September 2025	Laksana pilot test di pelabuhan; kumpul maklum balas; tambah baik.
Fasa 5: Sesi Validasi dan Pemuktamadan Garis Panduan	Oktober 2025	Adakan bengkel validasi; kemaskini dan sahkan versi akhir.
Fasa 6: Latihan Penggunaan dan Agihan Garis Panduan	Oktober - November 2025	Jalankan latihan dan ToT; edarkan garis panduan ke seluruh pelabuhan.
Fasa 7: Pemantauan dan Perancangan Kajian Pasca-Pelaksanaan	November 2025	Bina sistem pemantauan; rancang kajian impak pasca-pelaksanaan.

LAMPIRAN 2 – Perincian Kos

Bil.	Perkara	Unit	Kadar	Bil. sesi / hari	Jumlah (RM)
1	Kos Perunding (Yuran Perunding & Imbuhan balik, Benchmarking)	1	2,000	120	240,000.00
2	Pakar Rujuk/Khidmat Nasihat	3	400	6	7,200.00
3	Bengkel – pakej seminar (residensi)	15	500	3	22,500.00
4	Bengkel – pakej seminar (sehari penuh)	20	200	2	8,000.00
5	Penerbitan Artikel/Kenyataan Akhbar	1	2,000	1	2,000.00
6	Penerbitan Buku	1	300	200	60,000.00
	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN				339,700.00
5	Tambang Pnerbangan	1	2,000	2	4,000.00
6	Tuntutan Perjalanan	1	1,000	3	3,000.00
7	Penginapan & Lojing Kakitangan	1	250	10	2,500.00
	PERUNTUKAN OPERASI				9,500.00
					RM349,200.00